

**PENGERTIAN EKONOMI DAN IQTISAAD DALAM PENDISIPLINAN  
DAN SKOP EKONOMI ISLAM.**

Basri bin Abd Ghani  
Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU)  
Universiti Teknologi MARA Perlis  
02600 Arau, Perlis

**Abstrak**

*Ekonomi satu istilah yang masih kurang tepat untuk diguna pakai dalam konteks syariat yang sebenar seperti Ekonomi Islam sepatutnya iqtisad. Ini disebabkan iqtisad sudah sebatu dengan kehendak semangat al-Quran. walaupun pada dasarnya istilah ekonomi dan iqtisad masing-masing membawa kesan positif terhadap pertumbuhan ekonomi namun titik tolak antara keduanya amat berbeza dari segi falsafah hidup, budaya, tanggungjawab, amanah dan matlamat dalam merialisasikan aktiviti-aktiviti ekonomi secara keseluruhan. Istilah Ekonomi Islam yang popular dipakai sekarang sekadar sementara sebagai pinjaman istilah Melayu yang paling tepat.*

**1.0 PENDAHULUAN**

Ekonomi ialah suatu ilmu yang mempelajari tentang perlakuan individu dan masyarakat dalam menggunakan faktor-faktor pengeluaran yang terbatas untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang mereka perlukan (Abdallah:1985) . Pengertiannya juga telah diketengahkan oleh (David Hyman':1993) sebagai:

*"Ilmu yang membahaskan bagaimana mengurus sumber-sumber yang terhad bagi pelbagai alternatif penggunaan".*

Secara lebih terperinci perkataan Ekonomi berasal daripada perkataan latin *Oeconomicus* dan perkataan Greek *Oikonomikos* (Clarence:1988). Menurut (Joseph A. Schumpeter: 1968), perkataan *Oeconomicus* ini merujuk kepada Kebijakan dalam pengurusan rumahtangga. (P.H Collin :1990) pula mengemukakan ekonomi sebagai, cermat dan berhati-hati, tanpa membazirkan wang dan kebendaan. Turut diperjelaskan lagi oleh (Philip Bab Cockgove : 1976) dalam kamusnya sebagai, kajian ekonomi dalam konteks aktiviti individu ekonomi sebagai firma rumahtangga dan harga. Menerusi istilah *Oeconomicus* ini, dapatlah disimpulkan bahawa ekonomi ialah peraturan-peraturan untuk menyelenggarakan keperluan hidup manusia di dalam rumahtangga, baik dalam rumahtangga individu mahupun dalam rumahtangga yang bersifat kolektif dalam sesebuah negara.

Kedudukan ini berbeza sekali dengan istilah iqtisad yang diguna pakai dalam bahasa arab. Ibnu Manzur dalam *Lisan al-'Arab* menulis kalimah iqtisad berasal dari akar kata *Qasadu / Qasdu* yang bermaksud lurus. Ini adalah bertepatan dengan firman Allah s.w.t. yang bermaksud :

*Terjemahan: Dan kepada Allah s.w.t. jualah tertentunya urusan memberi panduan yang menerangkan jalan yang lurus; dan di antara jalan-jalan yang dituju ada yang terpesong dari kebenaran; dan jika la kehendaki, tentulah la memberi petunjuk kepada kamu semua (yang menyampaikan ke jalan yang lurus itu).*

*Surah al Nahl (16): 9.*

Al-Zabidi dalam *Taj al-'Aruus* menyebut iqtisad berasal dari kalimah *Qasd* yang bermaksud jimat dan cermat iaitu di antara bakhil dan israaf. Merujuk kepada al-Quran Allah s.w.t. memberi gambaran jelas berhubung maksud iqtisad. Misalnya:

*Terjemahan: Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu, dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan sehabis-habisnya, kerana akibatnya akan tinggalah engkau dengan keadaan yang tercela serta kering keputusan.*

*Surah al-Isra' (17) :29.*

sejagat hanya juga merupakan sistem ekonomi yang praktikal untuk pembangunan dan pertumbuhan yang baik bagi operasi dalam kehidupan dunia dan akhirat.

## **RUJUKAN**

- Al- Quran (1980), "*Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al- Quran*", Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Cetakan Kesepuluh.
- Abdullah Abd Aziz Abid, Dr. (1985), *Pengajian Dalam Ekonomi Islam*, Kaherah : Pusat Perbahasan Ilmu Ekonomi Islam.
- Adam Smith (1937), *An Inquiry into the Nature and Causes of the Wealth of Nations*, New York : The Modern Library.
- Afred Marshall (1962), *Principle of Economics*, edisi ke 8, London : The English Language Book Society and Macmillan & Co. Ltd..
- Afzalur Rahman (1983), *Subject Index of Quran*. Jil 1 - 4, Lahore : Islamic Publications (PVT), Ltd..
- Al- Muslim (1986), *Sahih Muslim Jil. 1-1V*, Abd. Hamid Siddiqi (terj.) New Delhi : Kitab Bhavan. Chapra,
- M. Umar ( 1970), *The Economic System of Islam*, The Islamic Quarterly, tiada penerbit.
- Collin, P. H (1990), *Business Dictionnary*, New Delhi: First Indian Reprint.
- D. W. Moffat (1984), *Economics Dictionary*, USA : Elsevier Science Publishing Company Inc., USA.
- David N. Hyman (1993), *Modern Microeconomics, Analysis and Applications*, edisi ke 3, Boston : Richard & Irwin Inc..
- David W. Pearce (1983), *The Dictionary of Modern Economics*, London : The Macmillan Press Ltd..
- David W. Pearce (1983), *The Dictionary of Modern Economics*, London : The Macmillan Press Ltd..
- David N Hyman, (1993), *Modern Microeconomics Analysis an Application*, Third Edition, Boston : Richard D. Irwin Inc..
- Dewett, K. K (1978) *Modern Economic Thoery*, Singapore : Choice Books Pte. Ltd..
- Douglas Green Wald (1982), *Encyclopedia of economics*, USA : Mc Graw-hill inc.
- Hanson, J.L (1977), *A Text Book of Economics*, Ply Mouth : Mac Donald and Evan Limited.
- Heinz Kohler (1989), *Comparative Economic Systems*, USA : Scott Foresmen & Company.
- Husyam Ghanim (1990), *al-Iqtisal Islami Tabi 'atuh wa majallatuh*, Makkah : Darul Wafa' Li Tabaah Nastru Watauziz, Jamiatul Ummul Qura.
- Ibnu Majah (1993), *Sunan Ibnu Majah*, jil. 1- 1V, H Abdullah Shonhaji (terj), Semarang Indonesia : Penerbit CV al- Syifal.
- Ismail Faruqi (1992), *Al- Tauhid : Its Implication for Thought and Life*, Virginia : The International Institue of Islamic Thought.
- John Black ( 1977), *Dictionary of Economics*, New York : Oxford University Press.
- Jonathan Grwther, (1995), *Oxford Advanced Learner's Dictionary*, fifth edition, United Kingdom : Oxford University Press.
- Joseph Schumpeter, (1968), *A history of economic Analysis*, New York : Oxford University Press.
- Kamus Dewan (1994), Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Ekonomi, (1993), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka..
- Khursid Ahmad (1980), *Economic Development in an Islamic Framework*, United Kingdom : The Islamic Foundation.
- Paul A. Samuelson (1983), *Economics*, edisi ke 9, New York : Mc Grave Hill Book Co. New York.
- Philip Bab Cockgove & The Mariam Webster, (1976), *Webster's Third New International Dictionary*, USA : Springfield Masschusetts.